

LARIAN PERIMETER SEMPENA BULAN ANTI DADAH PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2688-larian-perimeter-sempena-bulan-anti-dadah-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 17 Nov 17 – Pangkalan Udara Gong Kedak dengan kerjasama Pegawai Anti Dadah Pangkalan telah mengadakan Larian Perimeter 5.4 KM Sempena Bulan Anti Dadah Peringkat Pangkalan yang bermula di Perkarangan Bomba Pangkalan Udara Gong Kedak.

Pada akhir majlis, Pemangku Komander Pangkalan, YBhg Lt Kol Hj Khalid bin Hamzah TUDM telah menyampaikan hadiah kepada pemenang johan larian perimeter bagi kategori Lelaki dan Wanita iaitu Johan Lelaki Lu II Sahir Faiz bin Mohd Yusof dari Skn 321 dengan catatan masa 25 minit 10 saat dan Johan Wanita PKDT Nurshahira binti Nazarudin dari Tadbir dengan masa 38 minit 10 saat. Turut hadir di majlis ini Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai dan anggota LLP Pangkalan Udara Gong Kedak.

Program ini bertujuan untuk memastikan anggota sentiasa cergas dan aktif serta mengamalkan gaya hidup yang sihat serta menjauhi anasir dan najis dadah. “
TUDM SIHAT TANPA DADAH ”.

